

# PERMASALAHAN AKIDAH DI KALANGAN TRANSGENDER MAK NYAH MUSLIM (*The Problems of Faith among Muslim Transgender*)

Norhidayah Mohamad Nawawy<sup>1\*</sup>, Hasan Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang

\*Pengarang Koresponden: [hidayah\\_faizal@oum.edu.my](mailto:hidayah_faizal@oum.edu.my)

Accepted: 1 May 2019 | Published: 15 May 2019

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada umum tentang kepentingan berakidah dalam menjalani kehidupan seharian. Akidah bukan sekadar merujuk kepada "kepercayaan" semata-mata, malah ia merujuk kepada beberapa ciri penting yang terkandung dalam pengertian akidah seperti penerimaan dengan hati, pengikraran dengan lidah dan adanya unsur kesanggupan manusia untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT yang menjadi tuntutan agama seseorang Muslim. Kajian ini merupakan kajian awal pengkaji berkaitan gejala transgender yang berlaku di Malaysia dan ia juga akan mengupas berkaitan dengan permasalahan akidah dalam kalangan transgender. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor berlakunya permasalahan akidah di kalangan transgender dalam aspek kepercayaan kepada Rukun Iman sahaja. Metod penulisan ini berbentuk kualitatif melalui analisis doktrinal dari sumber primer dan sekunder yang melibatkan bentuk tulisan seperti al-Quran dan hadis, kitab-kitab akidah yang muktabar, jurnal, artikel, laporan prosiding, majalah dan sebagainya. Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa pengukuhan berkaitan dengan ilmu akidah amat penting ditekankan kepada golongan transgender mak nyah muslim sejak dari awal kelahiran lagi hinggalah meningkat dewasa. Ia merangkumi tiga konsep utama yang merujuk kepada ilmu akidah iaitu kepercayaan, keyakinan dan keimanan terhadap konsep al-Ilahiyyat, al-Nabawiyat dan al-Samiyyat Allah SWT. Berdasarkan kepada kefahaman yang jelas terhadap ketiga-tiga konsep ini maka akan menghasilkan golongan transgender yang mempunyai kehidupan yang lebih kukuh akidahnya dalam menjalankan kehidupan seharian. Dapatan kajian mendapati sekiranya golongan transgender ini menggunakan akalunya yang waras tanpa dipengaruhi oleh hawa nafsu dan dikongkong oleh amalan bertaklid kepada kepercayaan yang syirik maka permasalahan akidah dikalangan mereka dapat diselesaikan dengan cara yang baik dan nescaya mereka akan dapat melihat ciri-ciri kekuatan yang ada dalam akidah Islam yang menjadi benteng kepada masalah ummah yang sedang melanda dalam masyarakat Islam hari ini.*

**Kata kunci:** Permasalahan Akidah, Transgender, Mak Nyah Muslim

**Abstract:** *The study aims to provide an explanation to the public about the importance of being credible in the course of everyday life. The Akidah is not merely referring to the "beliefs", but it refers to some of the essential features contained in the understanding of the faith such as acceptance with the heart, the tongue's declaration and the element of humanity's ability to execute all the commandments of Allah SWT which is a Muslim's religious demands. This study is a preliminary study of transgender symptoms in Malaysia and it will also look at the problems of the faith among transgender people. The objective of*

*this study is to identify the factors of the problem of faith among transgender in the aspect of belief in Rukun Iman only. This method of writing is qualitative through doctrinal analysis of primary and secondary sources involving texts such as the Qur'an and the Hadith, the books of faith, journals, articles, proceedings, magazines and so on. The summary of this study suggests that the reinforcement in relation to the knowledge of the faith is very important to those transgender mak nyah from the very beginning of the birth until the adulthood. It encompasses three major concepts which refer to the knowledge of faith namely belief and faith in the concept of al-Ilahiyyat, al-Nabawiyyat and al-Samiyyat Allah SWT. Based on a clear understanding of these three concepts, it will produce transgender people who have a stronger life of their faith in their daily lives. The findings suggest that if these transgender people use their logical minds without being influenced by lusts and underlining by the practice of tackling the beliefs then the problems of the faith among them can be solved in a good way and they will be able to see the characteristics of the strengths in the creed Islam, which is the stronghold of the problem of the ummah that is in the Muslim community today.*

**Keywords:** Problems of the Faith, Transgender, Mak Nyah Muslim

## 1. Pengenalan

Masyarakat Islam adalah masyarakat yang diasaskan oleh akidah Islam dan ia merupakan satu-satunya ad-din yang diutuskan oleh Allah SWT kepada seluruh umat Islam semenjak dari zaman umat Nabi Adam AS hinggalah ke zaman umat Nabi Muhammad SAW. Apabila kita menyebut perkataan akidah lazimnya orang dapat memahami bahawa ia berkait rapat dengan suatu pegangan, kepercayaan, keyakinan dan keimanan seseorang terhadap sesuatu agama. Seperti mana yang kita sedia maklum, akidah memainkan peranan yang besar dalam membentuk insan yang sempurna dan sebuah masyarakat yang aman, harmoni dan sejahtera. Berlandaskan kepada kefahaman ini, maka setiap mukmin itu sewajibnya meletakkan keutamaan kepada soal akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya termasuklah dalam aspek yang berkaitan dengan hubungan seksualiti manusia (Mohd Fauzi Hamat, 2002) agar seluruh perancangan dan pelaksanaannya berjalan seiring dengan prinsip-prinsip keimanan yang diyakini dan mengatasi kehendak manusia. Walaupun Islam menghalalkan hubungan seksual dalam perkahwinan sebagai suatu nikmat dan salah satu daripada rahmat Allah SWT kepada insan, namun pada waktu yang sama Islam menegah sekeras-kerasnya seseorang itu melakukan hubungan seksual di luar tabii seperti meliwat dan homoseksual atau hubungan seksual di luar nikah seperti berzina dan merogol. Tujuannya adalah untuk mencegah jenayah yang melanggar tatasusila kekeluargaan dan kemasyarakatan daripada terus berleluasa (Muhd Najib Kadir, et al., 2013).

Dalam kehidupan manusia di dunia ini mempunyai hubungan dan pertalian dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Hubungan manusia dengan Allah SWT adalah diikat oleh akidah melalui kalimah tauhid yang mengaku tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah SWT (Said Ibrahim, 1996). Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 19:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلِّبُكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ١٩

*Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak*

*disembah melainkan Allah dan mintalah ampun kepadaNya bagi salah silap yang engkau lakukan dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di akhirat).*

Pengakuan seseorang manusia yang diikrarkan melalui kalimah syahadah adalah membuktikan bahawa hubungan manusia dengan Allah SWT adalah berdasarkan akidah dan tauhid. Dan hubungan itu adalah hubungan di antara Khaliq dengan makhluk iaitu hubungan Allah dengan makhluk-makhlukNya (manusia).

Namun begitu, sejak kebelakangan ini terdapat satu kecenderungan seksual yang dilihat semakin agresif dan jelas menyongsang dari peraturan fitrah yang telah ditentukan oleh Islam. Kecenderungan ini dapat diterjemahkan dengan satu istilah ringkas iaitu LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender) (Noor Hafizah Haridi et al., 2016). Pergerakan mereka ini semakin mendapat tempat di seluruh dunia bukan sahaja di negara bukan Islam malahan dinegara Islam juga turut sama terlibat. Kepesatan pergerakan ini berlaku seiring dengan kepesatan teknologi maklumat masa kini, dimana gaya hidup LGBT ini giat dipromosikan kepada pelbagai lapisan golongan. Bahkan pergerakan ini juga semakin berani dan agresif dari sehari ke sehari sehingga mampu memanipulasikan dan menggunakan Hak Asasi Manusia (HAM) sebagai cara untuk membuat tuntutan perlakuan mereka diterima dan diprakerukan oleh masyarakat dunia (Norihan Zakaria, 2012).

Islam adalah agama yang teratur dan sistematik. Islam juga telah menyusun cara hidup manusia dengan sebaik-baik aturan sama ada melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT atau hubungan manusia dengan manusia yang lain. Praktikalnya hukum Islam yang ditentukan oleh Allah SWT ini secara jelas adalah untuk menjaga masalah ummah, mengajak kepada kebaikan dan menolak sebarang bentuk kemungkaran. Islam secara jelas menolak perlakuan transgender ini dan umat Islam memandangnya sebagai salah satu dosa besar. Terdapat banyak dalil dari ayat al-Quran dan hadis yang mengeji perbuatan ini (Noor Hafizah Haridi, 2016). Allah SWT telah berfirman dalam surah an-Naml ayat 54 hingga 56 :

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ۝٤٤ أَلَيْسَ لَنَا نِسَاءٌ مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ۝٥٥ ﴿٥٦﴾ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَخْرِجُوا آلَ لُوطٍ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ ۚ إِنَّهُمْ أَنْفُسٌ يَّتَطَهَّرُونَ ۝٥٦

*(54) Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika dia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya?(55) Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. (Perbuatan kamu itu amatlah keji) bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya). (56) Maka kaumnya tidak menjawab selain dari berkata: Usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini; sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mendakwakan dirinya bersih suci.*

Dalam ayat di atas telah menjelaskan perbuatan ini adalah bertentangan dengan hukum agama dan fitrah kejadian manusia normal serta menyalahi hikmah yang terkandung di dalam ciptaan manusia. Kaum ini telah dibinasakan oleh Allah SWT dengan bencana yang amat dahsyat dan punca utama kejadian ini berlaku adalah kerana kelemahan nafsu syahwat umat pada zaman tersebut ditambah lagi dengan kebodohan manusia dalam berfikir dan mensyukuri nikmat yang telah Allah SWT kurniakan kepada mereka.

Apabila merujuk kembali kepada permasalahan transgender yang berlaku pada masa kini, jelas sekali menunjukkan bahawa al-Quran merupakan sumber utama pengharaman kepada perlakuan hubungan seksual sejenis. Meskipun dalil pengharaman isu ini disebut secara umum, namun para fuqaha' telah menggunakan kaedah '*istinbat*' (استنباط) terhadap hukum perlakuan seksual sejenis berdasarkan kisah Nabi Lut AS. Justeru itu perlakuan yang dilakukan oleh golongan transgender ini merupakan satu dosa yang besar di dalam Islam (Muhd Najib et, al., 2013).

### Asas dan Dasar Akidah Islamiah

Di kawasan Asia Tenggara terutamanya Alam Melayu merupakan kawasan yang didiami oleh umat Islam terbesar dunia. Berdasarkan sejarah awal umat Islam di rantau ini berpegang teguh dengan kepercayaan Manhaj Akidah Ahl Sunnah wa al-jamaah (Syamsul Bahri AG, 2007) kerana hanya manhaj ini yang menepati akidah yang asli dari al-Quran dan as-Sunnah. Akidah merupakan inti pati utama dan tunjang terpenting yang terkandung dalam ajaran Islam. Apabila akidah dipadankan dengan Islam, maka ia membawa maksud satu bentuk kepercayaan dan keimanan yang perlu dipegang kuat dan bersungguh-sungguh (Syamsul Bahri AG, 2007).

Asas akidah telah pun ditetapkan oleh Allah SWT dan ia bersifat *Taufiqi*. Dalam ilmu akidah Rukun Iman dan Rukun Islam merupakan elemen yang paling asas dan penting untuk menjadi pegangan dan kepercayaan utama setiap warga Muslim. Ini kerana dalam perbahasan ilmu berkaitan akidah menghuraikan ilmu berkaitan dengan Rukun Iman yang menjadi tunjang rohaniah terhadap ilmu-ilmu yang ghaib serta menghubungkan manusia dengan Allah SWT. Manakala dalam Rukun Islam pula menjadi tunjang amaliah yang menghubungkan keimanan dalam kehidupan seseorang muslim serta menghubungkan manusia sesama manusia dan alam sekitarnya (Sidek Baba, 2009). Kedua-dua perkara ini amat penting untuk diyakini dan ditaati supaya wujud keseimbangan terhadap konsep *al-Ilahiyyat*, *al-Nabawiyyat* dan *al-Samiyyat* dalam diri seseorang muslim. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada persoalan akidah dalam Rukun Iman sahaja kerana pengkaji ingin melihat sejauh mana permasalahan akidah yang menyebabkan golongan transgender ini boleh terjerumus kepada aktiviti yang tidak bermoral dan bercanggah dalam syariat Islam.

Akidah dari sudut bahasa berasal dari perkataan (عَمَدٌ - يَعْقِدُ - عَقِيدَةٌ) yang beerti 'tali pengikat sesuatu dengan yang lain sehingga menjadi satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan' (Abdurrohim et al., 2014). Dalam perbahasan lain dikalangan ulama yang mahsyur menyatakan akidah bermaksud '*keimanan*', '*kepercayaan*' atau '*keyakinan*'. Antara pendapat ulama lain berkaitan dengan akidah antaranya: (Abdurrohim et al., 2014).

- a) Syeikh Muhammad Abduh mengatakan ilmu akidah adalah ilmu yang membahaskan tentang wujud Allah SWT, sifat-sifat yang wajib, tetap dan ada pada-Nya juga

membahaskan tentang Rasul-Nya, meyakinkan apa yang wajib ada pada mereka dan apa yang terlarang kepada diri mereka.

- b) Menurut Ibn Khaldun, ilmu akidah adalah ilmu yang membahaskan kepercayaan-kepercayaan iman dengan dalil-dalil akal dan mengemukakan alasan-alasan untuk menolak kepercayaan yang bertentangan dengan kepercayaan Ahl Sunnah wa al-Jamaah

Menurut Haji Said Haji Ibrahim, Bekas Mufti Negeri Sabah menyatakan akidah yang sah ialah iktikad dan kepercayaan yang jazam (pasti dan tetap) dalam hati seseorang yang tertakluk dibawahnya enam perkara dalam Rukun Iman antaranya i) Beriman kepada Allah SWT; ii) Beriman kepada Malaikat; iii) Beriman kepada Rasul; iv) Beriman kepada Kitab-kitab Allah; v) Beriman kepada Hari Akhirat; vi) Beriman kepada Qadha dan Qadar Allah (Said Ibrahim, 1996). Ianya berdasarkan dalil Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 136:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَيَّ  
رَسُولِي وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ مِن قَبْلُ وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ  
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ۝ ۱۳۶

*Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad, s.a.w) dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya dan Rasul-rasulNya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.*

Kewajipan beriman kepada Qadha dan Qadar sememangnya tidak diterangkan di dalam ayat 136 surah an-Nisaa'. Akan tetapi Rasulullah SAW telah menyatakan perkara tersebut terdapat dalam surah yang lain iaitu Surah al-Hadid ayat 22 hingga 23:

مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ  
مِّن قَبْلُ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ۝ ۲۲ لَّكَيْلًا تَأْسَوْا عَلَى  
مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا ءَاتَكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ  
۝ ۲۳

*(22) Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. (23) Kamu diberitahu tentang itu) supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu dan tidak pula bergembira (secara sombong dan bangga) dengan apa yang diberikan kepada kamu dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.*

Secara fitrahnya penciptaan manusia adalah untuk menuju kearah kebaikan iaitu sebagai khalifah di muka bumi yang bertanggungjawab mengabdikan diri kepada Allah SWT (Norafifah Abd Hamid, et al., 2015). Maka oleh sebab itulah secara semulajadinya fitrah manusia ini memerlukan kepada penghayatan akidah iaitu agama Allah (agama Islam) dalam kehidupan seseorang kerana melalui pegangan akidah yang sah sahaja yang mampu menyelamatkan manusia dari kekufuran dan kesesatan.

Malangnya golongan transgender ini dilihat bertentangan dengan fitrah kejadian manusia dan mengamalkan cara hidup songsang dalam menjalani kehidupan mereka kerana terlalu mengikut hawa nafsu. Adalah menjadi kehendak Allah SWT kewujudan manusia dengan dua jantina yang berbeza dan ia juga bertepatan dengan tujuan Allah SWT dalam penciptaan manusia dan perbezaan tanggungjawab dan hak bagi setiap jantina (Mustafa Mat Jubri @ Shamsuddin, 2016). Berdasarkan perkara ini, maka Allah telah meletakkan hukum-hukum yang berbeza antara lelaki dan wanita kerana mengambil kira perbezaan dan ketidaksamaan dari sudut fizikal, biologikal dan psikologikal dalam kehidupan untuk saling melengkapi antara satu sama lain (Norafifah Abd Hamid, et al., 2015). Apa yang perlu difahami oleh golongan transgender di sini, Islam sebagai ad-Din (agama) tidak menghalang manusia untuk mencari kehidupan duniawi tetapi mestilah ianya tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

## 2. Sorotan Sejarah Transgender

Melalui kajian lepas yang diperolehi mendapati sekitar tahun 1970-an golongan LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender) ini diklasifikasikan sebagai golongan yang mengalami masalah mental (*mental disorder*). Kaedah rawatan yang digunakan oleh orang Barat pada ketika itu adalah melalui kaedah kejutan elektrik dengan harapan agar rawatan ini dapat mengembalikan semula fungsi otak berdasarkan gender seseorang. Disebabkan kaedah yang digunakan ini agak menyakitkan, maka golongan ini tidak berani lagi untuk menonjokan diri dikhalayak ramai dan lebih suka menyembunyikan diri pada dekad berkenaan (Nik Muhd Marzuki, 2011).

Sekitar tahun 1980-an golongan ini mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dunia terutama di negara-negara Barat yang memberi pengiktirafan kepada mereka. Mereka juga bebas menjalani gaya hidup tersendiri malah tanpa segan silu merasa bangga dengan identiti yang dipamerkan. Budaya ini telah mula tersebar sedikit demi sedikit ke bumi Malaysia selari dengan pembangunan semasa negara (Norihan Zakaria, 2012). Fenomena transgender ini bukanlah suatu perkara yang asing di Malaysia. Jika disorot daripada kajian sejarah komuniti negara ini, ia telah lama wujud malah sejak sebelum merdeka lagi.

Dari perspektif Islam, menurut Muhammad, 2011 transgender ini merupakan perbuatan lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki dan diistilahkan sebagai '*al-mutasyabbih*' (Muhammad Ahmad, 2011). Manakala Ibn Abd al-Barr telah menyatakan bahawa transgender ini sebagai '*mukhannath*' iaitu orang lelaki yang lebih kelihatan sebagai seorang wanita secara fizikal dan tidak menyerupai wanita dari aspek kelembutan, pertuturan, penampilan, cara percakapan dan pemikirannya. Mereka ini tiada keinginan dan perasaan (nafsu) kepada sesama wanita. Ini adalah antara orang-orang yang tidak mempunyai minat terhadap wanita dan dibenarkan untuk bergaul dengan mereka (al-Mughni, 2013).

Dalam kalangan masyarakat Melayu perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu telah lama mengandungi perkataan-perkataan '*pondan, mak nyah*' dan '*darai*' serta kerap kali diguna pakai untuk merujuk kepada perilaku fenomena kecelaruan gender ini (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, Edisi Keempat). Malahan kesenian "*Ghazal Party*" yang popular di Semenanjung Tanah Melayu pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua telah mempopularkan '*darai-darai*' yang berperanan seperti "*Perempuan Joget*" (Hishamuddin Rais, 2010). Dalam masyarakat Cina pula, fenomena transgender ini dapat dilihat pada masa lampau khususnya dalam Wayang Opera Cina di mana watak-watak perempuan dimainkan oleh orang lelaki (Song Hwee Lim, 2010). Manakala bagi masyarakat India pula khususnya yang beragama Hindu terdapat satu kumpulan yang menepati ciri-ciri transgender ini yang dikenali sebagai '*Hijra*' yang mana mereka ini menyembah Dewi Bahuchara Mata (Pooja S. Jagadish, 2013).

Isu transgender ini bukan sahaja tidak dapat diterima dan diiktiraf oleh orang-orang Islam malahan dalam ajaran-ajaran agama lain pun tidak menerima perlakuan sebegini. Sebagai contoh penerangan-penerangan berkaitan dengan salah laku seksual ini telah disebut dalam buku Bible (Genesis 19:5, Judges 19:22); (Leviticus 18:21-22, Leviticus 20:13, Romans 1:27; (Romans 1:26); (1 Corinthians 6:9-10); (Timothy 1:8-10) (Rajwani Md. Zai et. al., 2015). Begitu juga dengan penganut yang beragama Hindu, perdebatan berkaitan dengan transgender ini telah berpusat pada tiga ajaran dan terdapat hujah antara penyokong dan penentang pergerakan ini dengan mentafsirkan ajaran-ajaran mereka seperti berikut. Bagi yang menentang pergerakan ini mereka memberikan hujah iaitu:

*'Cinta romantis adalah perkara biasa antara seorang lelaki dan seorang wanita, dan ia mustahil bagi dua orang lelaki atau dua orang wanita mengalami bentuk yang sama cinta'.*

Hujah tersebut telah ditolak oleh golongan yang menyokong pergerakan transgender ini dengan mengatakan:

*'Tidak ada tempat dalam kitab suci Hindu adalah cinta romantis dikecualikan untuk semua tetapi seorang lelaki dan seorang wanita maka tidak ada alasan agama untuk membuat kenyataan yang berlawanan (Rajwani Md. Zai et. al., 2015)*

Disini jelas menunjukkan kepada kita bahawa fenomena transgender ini bukanlah satu pengaruh budaya baru dalam masyarakat kita tetapi ia telah lama wujud seiring dengan perkembangan semasa negara dan yang pasti ia merupakan gejala yang boleh menggugat nilai-nilai kehidupan masyarakat Islam di Malaysia.

### **Permasalahan Akidah di Kalangan Transgender Mak Nyah Muslim**

Dewasa ini umat Islam yang sedang diambang dunia abad ke-21 menghadapi pelbagai cabaran, pergolakan besar serta mengalami perubahan moden dalam metodologi berfikir. Ramai di antara mereka mengaku beragama Islam tetapi tidak kenal dengan Islam bahkan ada dikalangan mereka ini tidak mahu terikat dengan penghayatan akidah Islam. Mereka hanya ingin menjadikan Islam sebagai sebuah legasi formal tanpa mahu ada tuntutan agama yang perlu diikuti (S. Bektu Istiyanto, 2001). Merujuk kepada permasalahan akidah di kalangan transgender mak nyah ini, kita perlu merujuk kembali kepada peranan akidah yang menjadi pegangan utama umat Islam dalam menangani masalah sosial yang ada pada hari ini. Kerana

isu transgender ini bukan sahaja menjadi masalah kepada individu yang terlibat tetapi juga turut melibatkan permasalahan dalam institusi kekeluargaan, masyarakat dan juga negara.

Seperti mana yang kita sedia maklum, akidah menjadi asas yang membezakan seseorang itu beriman atau sebaliknya. Permasalahan akidah berpunca daripada beberapa perkara yang melibatkan ciri-ciri akidah yang batil. Batil beerti sesuatu perbuatan atau ibadat yang tidak diterima Allah SWT dan tidak diperakui sebagai satu perbuatan atau ibadat yang sah disisi hukum syarak. Selain itu juga akidah yang batil beerti sesuatu iktikad atau kepercayaan itu bercanggah dengan nas-nas syariah dari al-Quran dan al-Sunnah. Dengan erti kata lain akidah yang batil adalah suatu akidah yang terkeluar dari iktikad ahl Sunnah wa Al-Jamaah (Said Ibrahim, 1996). Dalam Islam kita dituntut untuk menyakini dan mempercayai konsep-konsep yang terkandung dalam Rukun Iman iaitu mempercayai konsep *al-Ilahiyyat* (beriman kepada Allah SWT), *al-Nabawiyyat* (beriman kepada Nabi dan Rasul dan beriman kepada Kitab) dan *al-Samiyyat* (beriman kepada Malaikat, Hari Kiamat dan Qadha & Qadar).

Secara umumnya transgender ini adalah golongan yang mengamalkan perlakuan songsang dan bertentangan dengan jantina iaitu wanita seperti lelaki atau lelaki seperti wanita. Amalan ini juga membawa kepada penukaran jantina yang benar-benar di larang dalam Islam (Sumber R&D, 2016). Dalam konteks ilmu akidah, perlakuan transgender ini merupakan suatu gejala yang dilihat bertentangan dengan fitrah. Menurut Islam, haram ke atas lelaki menyerupai wanita dan begitu juga sebaliknya, haram wanita menyerupai lelaki. Sebagaimana hadis riwayat Bukhari dari Rasulullah SAW :

*Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW melaknat seorang lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki*

Ini menunjukkan bahawa syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT mengandungi matlamat-matlamat dan tujuan yang membawa kepada kebaikan dan kemaslahatan umat dan untuk menghilangkan kerosakan dan kemudharatan terhadap manusia. Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji faktor utama berlakunya permasalahan akidah dikalangan transgender adalah kerana kurang kefahaman, kurang penghayatan dan kurang pengamalan dari segi ilmu akidah dalam menjalani kehidupan seharian.

### ***Kefahaman Tentang Konsep al-Ilahiyyat Dalam Akidah***

Secara umumnya al-Ilahiyyat adalah perbincangan tentang sebarang masalah yang berkaitan dengan Illah (Tuhan). Fokus utamanya ialah mentauhidkan Allah SWT yang memiliki segala sifat kesempurnaan. Hanya Allah sahaja yang layak dan wajib disembah serta ditaati peraturan-Nya dan tempat berdoa dan berharap (Ensiklopedia Islam, 2006). Dalam akidah Islam konsep al-Ilahiyyat merupakan topik utama dan terpenting selain daripada memahami konsep al-Nabawwiyyat dan al-Samiyyat. Dalam Bahasa Arab, Tuhan telah disebut sebagai “*ilah*”. Menurut Ibn Manzur, “*ilah*” bermaksud Allah SWT. Selain itu setiap sesuatu yang disembah merupakan “*ilah*” bagi penyembahnya. Jamak bagi “*ilah*” ialah “*alihah*” yang bermaksud sesuatu yang ditumpukan peribadatan kepada-Nya (Ibn Manzur). Dalam Kamus Dewan perkataan “*ilahiyyat*” bermaksud Ketuhanan (Noresah Baharom, 1998). Dari segi istilah “*ilahiyyat*” bermaksud sesuatu yang berhubung dengan Allah SWT sama ada dari segi zat Allah SWT, nama (asma’) Allah SWT, sifat Allah SWT dan perbuatan Allah SWT (Ibn Manzur). Menurut pengertian ulamak tauhid “*ilahiyyat*” ialah mengiktikadkan dengan iktikad yang jazam bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang berhak disembah, tiada Tuhan yang lain selain daripada-Nya iaitu Allah SWT (Said Ibrahim, 1996).



Dalam konsep Ilahiyyat (beriman kepada Allah SWT) seseorang itu perlu mengetahui (ma'rifatul) dengan asma'-asma' Allah (nama-nama Allah) yang mulia, sifat-sifatNya yang suci dari sifat kekurangan dan kebinasaan dan mengetahui segala zat Allah SWT yang tidak mengandungi sebarang anasir dan juga perlu mengetahui wujud Allah SWT melalui bukti-bukti dan kenyataan yang terdapat di dunia ini (Said Ibrahim, 1996). Dalam dapatan kajian pengkaji kebanyakan golongan ini bermula ingin berjinak-jinak menjadi transgender sejak usia kecil lagi dan ketika masih di dalam jagaan ahli keluarga (ibu dan ayah). Oleh kerana itu Islam amat menitik beratkan pendidikan akidah dalam diri anak-anak sejak mereka kecil lagi. Seperti mana yang kita sedia maklum, sejak bayi lagi ilmu akidah telah ditanam dalam diri anak-anak Islam dengan mengazankan ditelinga kanan dan mengiqamatkan mereka ditelinga kiri agar mereka mendengar kalimah takbir dan kalimah syahadah buat pertama kalinya. Walaupun bayi itu tidak memahami perkara tersebut tetapi ia memberi gambaran bahawa ucapan itu adalah ucapan pertama yang pernah didengar adalah kalimah tauhid. Manakala dalam kehidupan seseorang Muslim juga kalimah akhir yang akan didengar sebelum masuk kealam barzakh adalah kalimah tauhid juga. Sesungguhnya kalimah tauhid ini bukan sekadar kalimah yang diucapkan sahaja akan tetapi ia merupakan satu haluan pemikiran, kejiwaan, akhlak dan amalan yang diwajibkan ke atas setiap muslim (Yusuf al-Qardhawi, 2015).

Imam Nawawi pernah berpesan terdapat tiga cara menanam ilmu akidah dalam jiwa anak-anak adalah melalui perkara berikut antaranya : i) Cerita-cerita yang mengesakan Allah SWT; ii) Mengajak anak untuk beriman dan beramal dengan ilmu akidah dalam kehidupan seharian seperti menitik beratkan perlakuan solat, cara berpakaian mengikut jantina dan sebagainya; iii) Mendorong anak untuk hadir ke kelas-kelas agama yang berkaitan dengan ilmu akidah (Imam Nawawi dalam Hidayatul.com 2015). Fakta ini dikuatkan lagi melalui hadis Rasulullah SAW yang bersabda :

*“Setiap anak yang lahir dilahirkan di atas fitrah.” (Riwayat Bukhari & Muslim)*

Fitrah inilah yang harus dijaga dan dipelihara oleh kedua orang tuanya, jangan sampai anak-anak yang lahir itu berubah fitrahnya (Fathul Bari, 2015). Fitrah yang dimaksudkan adalah Islam, seperti mana firman Allah dalam Surah al-Rum ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ  
 ٣٠

*(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

Dalam memahami konsep al-Ilahiyyat dalam ilmu akidah telah memperkenalkan ilmu yang berkaitan dengan Zat Allah SWT, Sifat Allah SWT dan Nama-nama Allah SWT. Dalam

dapatan kajian pengkaji juga mendapati yang menjadi permasalahan golongan transgender hari ini, mereka ini tidak memahami ilmu keimanan, tidak beramal dengan rukun iman dan tidak mempercayai konsep al-Ilahiyat yang terkandung dalam rukun iman yang terdapat dalam ilmu akidah. Selain itu juga mereka ini kebanyakannya terlibat dengan perkara-perkara yang boleh membatalkan akidah antaranya mempercayai perkara-perkara yang batil, syirik, khurafat dan munafik. Sebagai contoh yang sering berlaku di kalangan golongan transgender, mereka ini tidak mempercayai kewujudan Allah SWT atau meyakini ada Tuhan selain dari Allah SWT, Allah mempunyai anak, isteri dan Allah itu tidak Esa (Manual Islam & Mak Nyah, 2013). Mereka yang mempunyai pemikiran sebegini telah dianggap kufur dan mereka yakin bahawa segala rezeki, kekayaan, kejayaan yang diperolehi adalah semata-mata dari usahanya sendiri dan bukan dari Allah atau sesiapa sahaja.

Syirik membawa maksud mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain pada sifat *al-Ilahiyyat* (berhak disembah, dicintai, dipatuhi perintahNya dan berdoa kepadaNya) atau pun pada sifat *ar-Rububiyat* (menjadikan, mentadbir dan menguruskan alam). Maka sesiapa yang menganggap salah satu dari sifat-sifat yang tersebut itu ada pada sesuatu yang lain selain daripada Allah SWT nescaya ia telah melakukan syirik dengan Allah SWT walaupun pada ketika itu dia mengaku beriman dengan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 106:

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُونَ ١٠٦

*Dan (orang-orang yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukannya juga dengan yang lain.*

Ada sesetengah di kalangan mereka ini sanggup melakukan amalan-amalan syirik yang lain seperti beramal dengan perkara-perkara sihir, khurafat, tahyul, memakai susuk, menyuntik hormon dan sebagainya untuk kelihatan cantik dan sempurna seperti wanita. Mereka cuba membebaskan diri dari ikatan dan kepercayaan kepada Allah SWT, Tuhan penciptanya. Mereka juga cuba membebaskan diri dari segala ikatan agama dan kebenaran. Apa yang mereka inginkan adalah bertuhankan nafsu yang sesat dan menyesatkan. Golongan ini sebenarnya telah kehilangan tempat bergantung dan tempat memohon pertolongan (Manual Islam & Mak Nyah, 2013).

Apa yang perlu kita fahami disini bahawa zat Allah SWT adalah Maha Agung dan tidak menyerupai mana-mana makhluk, juga tiada sesuatu pun yang setara dengan-Nya dan dia adalah zat yang Maha Suci lagi Maha Agung yang berbeza dengan makhluk-makhluk yang terdapat di muka bumi ini (Said Ibrahim, 1996). Menurut perbincangan ilmu Akidah Ahl Sunnah wa al-Jamaah, setiap individu hendaklah berpegang bahawa Allah SWT memiliki sifat-sifat yang tidak menyerupai makhluk. Kita sebagai manusia perlu beriman dan mempercayai sifat wajib, harus dan mustahil bagi Allah SWT.

Selain itu juga, dalam konteks mensyirikkan Allah SWT pengkaji telah dapati beberapa faktor spiritual yang telah mempengaruhi seorang transgender antaranya mempercayai kepada amalan ilmu hitam dan dunia mistik dan juga sanggup murtad untuk menukar agama kerana pengaruh daripada 'teman lelaki' serta tekanan hidup dan keluarga (Manual Islam & Mak Nyah, 2013). Antara kepercayaan ilmu hitam yang sering digunakan oleh golongan ini ialah dengan memakai tangkal azimat yang dipercayai mempunyai kuasa luar biasa atau kesaktian bagi memberi khidmat pertolongan, perlindungan, dan bantuan. Tangkal dan

azimat ini sebagaimana yang diketahui merupakan salah satu jenis simpulan sihir ‘*al-Uqad*’ (العُقَد) (Jahid Hj. Sidek, 2012).

Kesan buruk atau kesaktian tangkal azimat sebegini memang wujud dan sememangnya mereka akan bergantung harap dengan jin serta syaitan. Kebiasaannya mereka yang menggunakan amalan ini adalah untuk mengekalkan kejelitaan sebagai seorang ‘wanita’ untuk menarik perhatian pelanggan serta melakukan amalan khurafat yang lain dengan memakai susuk, nasi kangkang atau tangas, santau dan sebagainya (Manual Islam & Mak Nyah, 2013).

Jelasnya disini hukum memakai tangkal azimat adalah mengandungi unsur syirik atau menyekutukan Allah SWT dan ianya adalah haram dari sudut akidah Islam. Dosa syirik ini ialah dosa besar dan merupakan kezaliman besar dari sudut amalan dan akidah kepada Allah SWT (Mohd Nizam Sahad, 2007). Kenyataan ini dapat dijelaskan melalui hadis Nabi SAW :

مِنْ عَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ

*“Sesiapa menggantung (memakai tangkal azimat) sesungguhnya ia telah syirik” (Riwayat Imam Ahmad)*

Selain itu juga, mereka yang memakai tangkal dan azimat ini benar-benar telah menghambakan diri serta menyembah diri mereka kepada jin atau syaitan (Jahid Hj. Sidek, 2012) dan ianya pasti telah merosakkan akidah dan keyakinan sebenar terhadap Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah az-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu (Surah az-Zariyah ayat 56).*

Jelas dalam ayat di atas bahawa keyakinan sahaja belum memadai tanpa diiringi dengan perbuatan yang berbentuk ‘amaliyah’ dan ‘ubudiyah’ (peringatan) kepada Allah SWT. Oleh kerana itulah ibadah telah disyariatkan untuk mengingatkan manusia kepada pencipta-Nya serta dapat memperbaiki akhlak yang baik. Sebagai contoh ketika kita mengerjakan solat dan tumpuan sepenuhnya akan kita berikan kepada Allah SWT dengan cara khusyuk dalam melaksanakannya. Akan tetapi apabila pelaksanaan itu tidak disertakan dengan keimanan maka mereka akan mula merasa ragu, was-was dan tiada keyakinan terhadap iman di dada. Inilah punca mengapa seseorang itu boleh terjebak kearah menyekutukan dan mensyirikkan Allah SWT.

Munafik ialah sifat dan amalan yang dilahirkan oleh seseorang berupa sifat dan amalan orang muslim pada zahirnya sahaja sedangkan pada hakikatnya dan hatinya tidak sedemikian dan jika sekiranya apa yang tersembunyi dihatinya itu berupa perasaan yang tidak menafikan iman walaupun lidahnya berikrar, maka dia adalah orang Islam, bermuamalah denganya sebagai seorang Islam selagi tidak lahir kekufurannya (Ahmad Dasuki al-Qari, 2015). Orang-orang munafik juga boleh dikenali dengan beberapa tanda (penampilan dan gaya percakapan) mereka. Firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 30:

وَلَوْ نَشَاءُ لَأَرَيْنَاكُمْ فَلَعَرَفْتَهُمْ بِسِيمَاهُمْ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي  
لَحْنِ الْقَوْلِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَكُمْ ٣٠

*Dan sekiranya Kami kehendaki, tentulah Kami akan memperkenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka dan demi sesungguhnya, engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya dan (ingatlah kamu masing-masing), Allah mengetahui segala yang kamu lakukan.*

Antara sifat nifaq yang paling jelas boleh dikaitkan dengan golongan transgender ini ialah (Abu Uthman Ismail, 2014):

- + *Maradh al-qalb* (sakit jiwa) iaitu dalam hati mereka ada sifat nifaq, syakk dan kufur sehingga tidak melihat yang benar itu sebagai benar dan ragu akan kudrat Allah SWT serta meyakini janji-Nya. Selain itu juga penyakit hati yang dimaksudkan dalam surah al-Baqarah ini termasuklah *maradh shahwah* (gila seks). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 10:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ  
بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ١٠

*Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).*

- + Melakukan kerosakan di muka bumi (*al-ifsad fi al-ardh*) iaitu dengan meninggalkan solat dan mengajak agar meninggalkannya serta mengajak manusia agar meninggalkan kitabullah
- + Pandai berkata-kata tentang dunia tetapi hatinya sangat kuat menentang Islam, Kitab dan Sunnah serta sombong dengan dosa dan tidak menerima nasihat (*taqwa*). Allah telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 204:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشْهَدُ اللَّهَ  
عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ وَهُوَ أَلَدُّ الْخِصَامِ ٢٠٤

*Dan di antara manusia ada orang yang ucapannya tentang kehidupan dunia menarik hatimu, dan dipersaksikannya kepada Allah (atas kebenaran) isi hatinya, padahal ia adalah penantang yang paling keras.*

### **Kefahaman Tentang Konsep al-Nabawiyat dalam Akidah**

Al-Nabawiyat adalah perbincangan tentang sebarang masalah yang berkaitan dengan para nabi dan rasul yang dipilih untuk menyampaikan ajaran Allah SWT kepada manusia

(Ensiklopedia Islam, 2006). Konsep al-Nabawiyat merupakan konsep kedua yang terdapat dalam ilmu akidah dan membincangkan tentang kepercayaan kepada Rasul-rasul, Nabi-nabi dan juga Kitab-kitab Allah SWT. Beriman kepada Rasul merupakan satu tuntutan syarak dan menjadi salah satu daripada rukun iman yang wajib kita percayai. Terdapat seramai 25 orang Nabi dan Rasul yang telah disebutkan di dalam al-Quran yang perlu kita ketahui. Menurut Said Ibrahim, terdapat dua cara seseorang itu menzahirkan rasa keimanan kepada para Rasul iaitu secara "*ijmali*" dan "*tafsili*". Beriman kepada Rasul secara "*ijmali*" ialah beriman kepada Nabi dan Rasul yang diketahui kenabian dan kerasulan mereka secara umum yang mana tidak disebutkan nama-nama mereka satu persatu di dalam al-Quran. Manakala beriman kepada Rasul secara "*tafsili*" pula ialah beriman kepada Nabi dan RasulNya yang diketahui kenabian dan kerasulan mereka secara khusus satu persatu dengan jalan wahyu (disebutkan nama-nama Nabi dan Rasul itu di dalam al-Quran) (Said Ibrahim, 1996).

Setiap umat Islam wajib beriman dengan kerasulan dan kenabian mereka secara "*tafsili*" (satu persatu). Dengan kata lain seseorang itu tidak boleh ingkar kepada kenabian dan kerasulan mereka. Manakala Nabi dan Rasul yang tidak disebutkan nama-nama mereka di dalam al-Quran juga adalah wajib bagi setiap orang Islam beriman dengan kerasulan dan kenabian mereka secara "*ijmali*" (berkumpulan).

Beriman kepada kitab-kitab Allah SWT adalah beriman dan percaya Al-Quran yang menjadi tunjang kepada keunggulan risalah memberikan asas peringatan terhadap manusia. Faktor syarak yang digariskan oleh al-Quran membimbing manusia supaya jangan melampaui batas. Kerosakan yang terdapat di muka bumi ini berlaku disebabkan akibat perbuatan tangan-tangan manusia. Al-Quran juga yang telah memberikan pedoman dan peringatan yang baik dan buruk serta yang makruf dan mungkar, hak dan batil, dosa dan pahala suapaya kebenaran akan sentiasa terpelihara (Sidek Baba, 2009).

Sebarang permasalahan yang menimpa umat Islam pada masa kini perlu dirujuk kepada al-Quran dan al-Hadis. Ini kerana ia merupakan dua sumber utama dalam budaya tamadun umat Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat sehingga kini mencakupi pelbagai bidang ilmu termasuklah ilmu akidah. Mereka yang berpandangan hanya bergantung dengan al-Quran tanpa hadis atau hadis tanpa al-Quran maka mereka ini adalah dikalangan yang sesat (Mustafa Abdul Rahman, 2008).

Seperti mana yang kita ketahui permasalahan kecelaruan jantina atau lebih dikenali sebagai transgender ini bukan merupakan isu yang baru. Sebaliknya Allah SWT telah menjelaskan tentang permasalahan transgender ini sejak zaman Nabi Lut AS dan telah difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 80-84. Dalam ayat ini juga telah menggambarkan perilaku umat Nabi Lut AS yang mengalami masalah kecelaruan seks dan mereka lebih cenderung untuk melakukan hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu lelaki bersama lelaki dan perempuan bersama perempuan. Allah SWT juga telah menggambarkan azab yang pedih menimpa ke atas kaum Nabi Lut AS pada ketika itu (Mohd Izwan Md Yusof et al., 2015).

Melalui dapatan kajian lepas menyatakan wujud kecenderungan dikalangan ilmuan dan pengamal LGBT Muslim khususnya di Barat yang menyokong perbuatan homoseksual menggunakan ayat-ayat al-Quran khususnya yang menceritakan tentang kisah Nabi Lut AS dengan memberikan penafsiran baru yang ternyata menyeleweng daripada pentafsiran yang muktabar. Ini terbukti melalui pandangan aktivis Amreen Jamal yang telah mengkritik pentafsiran ayat berkaitan umat Nabi Lut AS yang disebut sebanyak 14 tempat di dalam al-Quran sebagai contoh (6:85-87, 38:11-14, 54:33-40) yang kononnya mengharamkan

homoseksual, sebaliknya menegaskan di antara punca umat Nabi Lut AS diazab kerana berlakunya keganasan seksual (A. Jamal, 2001). Dalam masa yang sama mereka ini telah menolak hadis yang menjadi sumber kedua dalam Islam terhadap larangan perlakuan LGBT ini.

Mereka juga telah berhujah bahawa pengumpulan hadis pada zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat masih boleh dipertikaikan oleh umat Islam yang progresif masa kini. Terdapat banyak hadis berkenaan larangan perlakuan LGBT ini dipertikaikan oleh ilmuan dan pendokong LGBT Muslim. Sedangkan para muhadhithin telah menegaskan bahawa hadis tersebut adalah hadis yang sahih dan menjadi sumber hukum yang menjadi dalil syarak selain al-Quran yang melarang perlakuan LGBT (Mohd Izwan Md Yusuf et al., 2015).

Jelasnya disini melalui kefahaman konsep al-Nabawiyat ini akan menghasilkan transgender yang beriman sekiranya ia dipatuhi dan dihayati dengan sempurna. Para ilmuan dan pengamal transgender Muslim semestinya menginsafi bahawa segala perihal perlakuan dan azab yang menimpa umat Nabi Lut AS yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran sebanyak 18 kali merupakan satu petunjuk mengenai perlakuan keji umat tersebut dan larangan berkenaan perlakuan transgender ini adalah thabit dari hadis sahih ternyata golongan ini telah wujud sejak zaman nabi Muhammad SAW lagi (Solah al-Khalidi, 2007). Kebimbangan terhadap azab Allah yang diberikan kepada umat Nabi Lut AS seharusnya menjadi ikhtibar dan panduan kepada golongan transgender dan ia membuktikan bahawa diutuskan Rasul dan Nabi serta al-Quran dan hadis adalah menjadi sumber utama dalam memahami konsep rukun iman dalam ilmu akidah.

### ***Kefahaman Tentang Konsep al-Samiyyat dalam Akidah***

Kefahaman kepada konsep al-Samiyyat ini merangkumi perkara beriman kepada Malaikat, beriman kepada Hari Kiamat dan beriman kepada Qadha dan Qadar Allah SWT. Al-Samiyyat ini adalah perbincangan tentang perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera manusia seperti dosa, pahala, syurga dan neraka melainkan daripada sama' (pendengaran) melalui perkhbaran wahyu (Ensiklopedia Islam, 2006).

Seperti mana yang kita ketahui beriman kepada malaikat ialah mengiktikadkan dengan iktikad yang jazam (pasti dan tetap) bahawa bagi Allah itu ada beberapa malaikat yang diciptakan dari cahaya. Malaikat-malaikat itu tidak pernah menderhaka kepada Allah SWT dan tidak pernah pula membantah apa sahaja yang disuruh Allah kepada mereka. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 285:

ءَاَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَاَمَنَ  
بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ  
وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ٢٨٥

*Rasul telah beriman kepada Al Qur'an yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari rasul rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat". (Mereka berdoa): "Ampunilah kami ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali".*

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa dalil wajib ini perlu dipercayai kerana apabila seseorang itu ingkar tentang kewujudan malaikat adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang kafir dan sesat (Zakaria Stapa et al., 2001).

Hari kiamat ialah hari musnahnya alam dunia ini dan pada hari tersebut manusia yang masih hidup kesemuanya akan mati. Di alam akhirat inilah seluruh manusia akan dibangkitkan semula dan roh mereka akan kembali semua ke dalam tubuh mereka dan mereka akan mengalami kehidupan kali kedua. Waktu ini jugalah amalan masing-masing akan dihisab untuk diberikan balasan oleh Allah SWT. Ia jelas terbukti dalam surah al-Haj ayat 1-2:

يَأْيُهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ ١  
يَوْمَ تَرَوْنَهَا تَذْهَلُ كُلُّ مُرْضِعَةٍ عَمَّا أَرْضَعَتْ وَتَضَعُ كُلُّ ذَاتِ  
حَمْلٍ حَمْلَهَا وَتَرَى النَّاسَ سُكَرَىٰ وَمَا هُمْ بِسُكَرَىٰ وَلَٰكِنَّ  
عَذَابَ اللَّهِ شَدِيدٌ ٢

(1)Wahai umat manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar. (2) Pada hari kamu melihat (peristiwa-peristiwa yang mengerikan) itu, tiap-tiap ibu penyusu akan melupakan anak yang disusukannya dan tiap-tiap perempuan yang mengandung akan gugurkan anak yang dikandungnya dan engkau akan melihat manusia mabuk, padahal mereka sebenarnya tidak mabuk, tetapi azab Allah amatlah berat, mengerikan.

Kajian menunjukkan golongan transgender ini tidak takut dengan perkara-perkara samiyat dan meningkari wujudnya alam kematian, hari pembalasan dan sebagainya sehingga mereka sanggup melakukan perubahan diri kerana terlampau mengikut hawa nafsu.

Di antara prinsip keimanan yang keenam dalam Islam ialah mempercayai qadha dan qadar. Mereka yang tidak mempercayainya termasuk dalam golongan orang yang tidak beriman. Qadha memberi erti pelaksanaan Allah SWT terhadap makhluknya mengikut apa yang ditetapkan pada azali manakala qadar pula ialah satu ketetapan dan ketentuan yang ditetapkan oleh Allah SWT ke atas semua makhluknya dan segala peristiwa yang berlaku padanya sejak azali lagi (Ishak Din et a., 1996). Dengan erti kata lain sesuatu perkara yang berlaku atau sedang berlaku atau yang akan berlaku kesemuanya tertakluk di bawah qadha dan qadar (takdir) Allah SWT untuk menentukan dan menetapkan kedudukan sebenar sesuatu perkara itu berlaku (Said Ibrahim, 1996). Ia telah difirmankan oleh Allah SWT dalam surah ar-Ra'd ayat 8 :

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيضُ الْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ  
وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ ٨

Allah mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu.

Firman Allah SWT ini telah memberi pengertian yang jelas bahawa sesuatu perkara atau perbuatan yang sudah ditentukan dan ditetapkan oleh Allah SWT bukanlah kerana mengikut dorongan, kemahuan atau perintah sesiapa pun malah adalah secara mutlak mengikut peraturan dan ketetapan yang telah ditentukan Allah sebagai qadha dan qadarNya.

Isu yang timbul di kalangan golongan transgender ini tidak faham dengan konsep sebenar beriman kepada qadha dan qadar. Golongan ini beranggapan bahawa qadha dan qadar adalah suatu 'paksaan' daripada Allah SWT terhadap hambaNya. Bagi membetulkan pandangan yang salah ini, mereka perlulah memahami dan menghayati konsep al-samiyyat dalam ilmu akidah dengan lebih mendalam. Sebagai umat Islam kita dilarang sama sekali untuk menyalahkan takdir kerana seolah-olah kita telah menyalahkan 'perancangan kepada takdir' Allah SWT dan merupakan satu dosa yang besar dan menjejaskan akidah seseorang. Golongan transgender perlu memahami, walalupun takdir telah ditetapkan oleh Allah SWT, namun Allah SWT masih lagi memberi peluang kepada kita untuk mengubahnya berdasarkan akal fikiran yang telah dikurniakan kepada semua manusia berserta dengan doa, usaha dan tawakal yang berterusan tanpa rasa putus asa. Ini menjadikan salah satu bukti yang menunjukkan bahawa Allah SWT tidak pernah memaksa atau menzalimi hamba-Nya untuk menerima takdir yang telah ditentukan oleh-Nya.

Akan tetapi kita sebagai hamba-Nya yang lemah masih terbatasi dengan hukum dan undang-undang Allah SWT sebelum membuat sesuatu keputusan.

Dalam kupasan berkaitan takdir ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 'takdir mu'allaq' dan 'takdir mubram'. Takdir mu'allaq iaitu takdir yang telah ditulis di luh mahfuz. Takdir ini sekiranya berlaku boleh berubah dari semasa ke semasa (Dzulhilman Roslan, 2016) dan ia telah dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah ar-Rad ayat 38:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا مِّن قَبْلِكَ وَجَعَلْنَا لَهُمْ أَزْوَاجًا وَذُرِّيَّةً وَمَا كَانَ لِرَسُولٍ أَنْ يَأْتِيَ بِآيَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ لِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ ۝ ٣٨

*Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelummu dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang Rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah. Tiap-tiap satu tempoh dan waktu ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh "Suratan Azali".*

Manakala takdir mubram ialah takdir yang pasti dan mutlak. Ianya tidak boleh diubah dan tidak mungkin berubah. Jika ianya berubah maka akan mencacatkan kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah SWT. Adalah mustahil dari sisi Allah SWT memiliki sebarang kekurangan dan kecacatan (Dzulhilman Roslan, 2016). Menurut ijma' ulama barang sesiapa yang mengingkari takdir Allah SWT maka seseorang itu akan jatuh kafir. Firman Allah SWT dalam surah al-Qaf ayat 29:

مَا يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدِيَّ وَمَا أَنَا بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ ۝ ٢٩

*KeputusanKu itu tidak dapat diubah atau ditukar ganti dan Aku tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hambaKu.*



Apabila seseorang itu redha dengan qadha dan qadar Allah SWT maka anggaplah segala yang ditakdirkan oleh Allah SWT itu sebagai satu rahmah atau teguran daripada-Nya. Anggaplah suatu perkara buruk yang menimpa ke atas diri sebagai satu kafarah daripada Allah SWT untuk mengampunkan dosa-dosa dan kesalahan kita yang lalu bagi mengangkat martabat dan darjat seseorang.

Seharusnya golongan transgender mengambil ikhtibar dan pengajaran daripada kesilapan yang lalu supaya kita tidak mengulangi lagi kesilapan yang sedemikian di masa akan datang. Tidak perlu menyalahkan takdir kerana segala kejadian yang berlaku mengandungi seribu rahsia dan hikmah yang kita tidak ketahui. Sesungguhnya Allah SWT tidak pernah menzalimi hamba-hamba-Nya. Islam amat menuntut supaya kita sentiasa berusaha dan bekerja bagi menyesuaikan di antara sebab dan musabab bagi menghasilkan sesuatu kejayaan. Hanya orang-orang yang tidak memahami dan mendalami tentang qadha dan qadar ini sering menyalahkan takdir. Seharusnya dalam konteks seorang muslim dan mukmin itu memahami tuntutan Islam dan iman dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah dengan menghayati konsep berdoa, berusaha, berserah dan bertawakal. Dengan perlakuan ini bermakna kita benar-benar mempercayai qadha dan qadar daripada Allah SWT. Mereka yang mempercayai qadha dan qadar akan sentiasa diberi ketenangan fikiran, ditambahkan hati, kuat berusaha dan kuat kesabaran dalam menghadapi sebarang cabaran dan liku-liku kehidupan (Ishak Din et al., 1996).

### **3. Kesimpulan**

Seharusnya masyarakat Islam perlu peka kepada isu-isu berkaitan transgender ini dan membuat persediaan bagi mencegahnya berlandaskan kepada syariat Islam. Akidah merupakan asas yang terbesar dalam mendidik jiwa dan diri manusia agar terpandu ke arah kebenaran. Golongan transgender tidak sepatutnya mengambil ringan tentang fenomena yang mereka alami untuk menjamin kehidupan yang lebih bermoral mengikut syariat Islam yang betul. Mereka seharusnya sedar dengan hakikat diri mereka telah dilahirkan sebagai seorang lelaki normal dan bukannya seorang perempuan. Mereka juga seharusnya insaf dan sedar bahawa apa yang berlaku pada diri mereka merupakan sesuatu yang tidak perlu dikesali mahupun merubahnya. Tiada siapa yang berhak mempertikaikan segala ciptaan Allah SWT. Allah SWT Maha Bijaksana di atas segala sesuatu yang diciptakan-Nya. Kebijaksanaan Allah SWT didasarkan kepada ilmu-Nya yang tiada had sempadan. Sekiranya golongan transgender ini dapat menerima hakikat kejadian diri mereka sudah pasti mereka tidak akan terikut-ikut dengan hawa nafsu dan membentuk diri mereka seperti seorang perempuan. Seharusnya golongan transgender ini bersyukur dengan kejadian diri mereka dianugerahkan dengan naluri yang bersifat wanita tetapi menjalankan kehidupan seperti lelaki normal dalam kehidupan seharian. Islam tidak menyekat dan tidak menghapuskan kehendak nafsu ataupun tidak menganggap ia sebagai sesuatu yang kotor. Akan tetapi Islam menyuruh untuk menyalurkan perasaan dan naluri melalui perkahwinan yang dibenarkan yang mana padanya pasangan suami isteri akan menemui ketenangan, kasih sayang, dan rahmat. Dengan ini akan terbinalah sebuah keluarga yang merupakan benih bagi sebuah masyarakat yang bertamadun. Islam juga mengharamkan mana-mana hubungan jenis yang terkeluar daripada lingkungan ini. Islam menganggap ia sebagai zina atau penyimpangan seks yang akan mendatangkan kemudaratan dan kemurkaan Allah SWT dan akan menyebarkan banyak kerosakan kepada masyarakat.

## Rujukan

- A. Jamal. (2001). *The Story of Lot and the Qur'ans Perception of The Morality of Same-sex Sexuality*. UK: Journal of Homosexuality 41 (1). P.1-88
- Al-Mughni, Sharh al-Kabir. (2013). Muwaffiq al-Din 'abd Allah bin Ahmad Ibn Qudamah al-Maqdisi al-Hanbali. Publisher: Dar' Alam al-Kutub. 8th edition. Saudi Central. KSA, Page 347.
- Andurrohim, Usman, Noek Aenul, Latifah. (2014). Siswa Akidah Akhlak, Pendekatan Saintifik Kurikulum. Indonesia : Kementerian Afama Direkrot Pendidikan Islam.
- Ahmad Zaki Haji Ibrahim. (2009). *Modenisme dan Liberalisme: Sorotan Sejarah Kelahirannya dan Penilaian Terhadap Metodologinya*. Selangor : Persatuan Ulama' Malaysia.
- Al-Hindi, Ala al-Din Muttaqi bin Hisam al-Din (t.t) *Kanz al-'Ummal 'fi Sunan al-Af al wa al-Aqwal*, Juz 3, Beirut Muassasah al-Risalah.
- Dzulhilman Roslan. (2016). Salahkah Mempertikaikan Takdir. *Majalah Sinar Rohani*. Bil. 80 Tahun 19, Isu 1/2016. Putrajaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ensiklopedia Islam. (2006). Jilid 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Fathul Bari Mat Jahya. (24 April 2015). Didik Anak Kenal Akidah. *Penasihat Eksekutif Ilmuan Malaysia (iLMU)*. Sinar Online.
- Hishamuddin Rais. (2010). "TAPAI: Travels and Guilty Pleasures of a Fermented Malaysia", ZI Publication Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur. Ibn Manzur. (t.t). *Lisan al-'Arab*. Jul 1, Beirut : Dar al-Ma'rifah
- Imam Nawawi. (03 Febuari 2015). Tiga Cara Menanam Akidah pada Anak-anak Kita. [Hidayatul.com](http://Hidayatul.com)
- Ishak Din & Harun Din. (1996). *Permasalahan Aqidah Tauhid Pegangan Setiap Mukmin*. Kuala Lumpur. Darul Nu'man.
- Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, Edisi Keempat.
- Manual Islam & Mak Nyah. (2013). Selangor : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Izwan Md Yusuf, Muhd Najib Andul Kadir, Mazlan Ibrahim, Khadher Ahmad, Murshidi Mohd Noor. (2015). *Hadis-hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT*. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Mohd Nor Hamat. (2015). Didiklah Anak Mengikut Fitrah, dalam *Majalah I*, Volume 147.
- Muhammad Ahmad. (2011). *Dosa-dosa Besar trj. oleh Syed Ahmad Semait*. Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd, hlm. 315
- Muhd Najib bin Abd Kadir. PhD, Mazlan bin Ibrahim. PhD, Mohd Izwan bin Md Yusof. (2013). Persepsi Komuniti LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Trangender) Muslim Terhadap Nas al-Quran. *Jurnal ILIM Institut Latihan Islam Malaysia*. Bil. 6. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mustafa Mat Jubri. (2016). *Pengubahan Semula Jantina Bagi Pelaku Transeksual Mengikut Sudut Pandang Fiqh*. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol 5 (October). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mustafa Abdul Rahman. (2008). *Hadis 40 : Terjemahan dan Syarahnya*. Selangor : Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Sa'id al-khin, Sheikh Muhyiddin Dib Bisto. (2016). *Aqidah Islamiyyah Jilid 1*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri: Negeri Sembilan
- Nik Ahmad Marzuki Muhd Nur. (2011). *Perkembangan dan Syor Menangani Gerakan Hak Homoseksual di Malaysia*. Kertas Kerja Mesyuarat Panel Menangani Gejala Sosial JAKIM. Bil. 1/2011 pada 5 Julai 2011. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Norafifah Abd Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Mohd Nazim Ganti Shaari, Pg Ismail Pg Musa. (2015). *Gejala Transgender di Malaysia : Sorotan Awal Kjian dari Persepektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia*. Jurnal Penyelidikan, Bil. 27/2015. Kuala Lumpur : Jabatan kemajuan Islam Malaysia.
- Noresah Baharom (ed). (1998). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka
- Pooja S. Jagadish. (2013). "Maintstreaming Third Gender Healers : The Changing Perceptions of South Asian Hijras". *Vanderbilt Undergraduate Research Journal*, Volume 9 & George E. Haggerty, 2000 "Gay Histories and Cultures", eds., Garland Publishing Inc : New York.
- Rajwani Md. Zai & Nor Azimah Che Abdullah. (2015). *Faktor Risiko Jangkitan HIV/Aids : Isu Moral atau Hak Individu*. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 1, June. Kedah : University Utara Malaysia.
- Said Ibrahim (Bekas Mufti Negeri Sabah). (1996). *Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah*. Kuala Lumpur : Darul Ma'rifah
- S. Bekti Istiyanto, S. Sos. (2001). *Urgensi Akidah Dalam Pembentukan Akhlak Manusia*. Acara ondi Uki Fe Unsoed, 12 September 2001. Indonesia
- Shamsul Bahri Andi Galigo. (2007). *Beberapa Isu Dalam Pemikiran Islam*. Negeri Sembilan : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sidek Baba. (2009). *Hakikat Rukun*. Selangor : Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Solah al-Khalidi. (2007). *Al-Qasas al-Qur'ani 'Ardu Waqa'i wa Tahlil Ahdat*. Jil 1, Damsyiq :Dar al-Qalam. P. 473.
- Song Hwee Lim. (2010). "Celluloid Comrades : Representations of Male Homosexualityin Contemporary Chinese Cinemas". *University of Hawai Press, USA, 2006*, "Transgender China' eds, Howard Chiang, Palgrve Memillan: New York.
- Sumer R & D. (2016). *Isu Transgender : Suatu Tinjauan Umum*. Selangor : Jabatan Agama Islam Selangor
- Wan Salim Mohd Nor. (2009). *Pluralisme Agama : Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal*. Petaling Jaya Selangor : Persatuan Ulama Malaysia.
- Zakaria Stapa & Mohamaed Asin Dollah. (2001). *Islam Akidah dan Kerohaniaan*. Edisi Ketiga. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.